



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUTHARGA
TARIKH IKLAN 26.3.2018**

1. Pembekal-pembekal yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson dan Pejabat Daerah Port Dickson tidak akan dipertimbangkan ;
2. Pembekal-pembekal hendaklah membawa ;
 - i) **Perakuan Pendaftaran dengan CIDB yang asal**
 - ii) **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**
 - iii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan**
 - iv) **Surat Pengiktirafan Bumiputera dengan PKK**
 - v) **Sijil Pendaftaran MPPD**Yang masih sah / belum tamat tempoh layak menghadiri lawatan ke tapak kerja (wakil tidak dibenarkan).
3. Kesemua Sijil di atas perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh tapak.
4. **Borang Sebutharga hendaklah diisi menggunakan pen dakwat cair hitam ;**
5. Borang sebutharga yang telah diisi dan dilengkapi serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Landskap, MPPD. Nombor sebutharga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan seperti di bawah ;
6. Setiap kesilapan pada borang hendaklah ditandatangani ringkas. **Tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (*liquid paper*) ;**
7. Pembekal hendaklah memberi bukti keupayaan dalam bentuk tunai atau kemudahan kredit yang disahkan oleh pihak bank dan disertakan bersama borang sebutharga.
8. Sebutharga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebutharga. Walau bagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
9. Dokumen sebutharga boleh disemak semasa lawatan tapak dan dokumen tawaran boleh diperolehi di Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) semasa waktu pejabat. Dokumen tawaran mula dijual pada tarikh yang telah ditetapkan seperti di atas dan tidak akan dijual selepas tempoh tersebut. Sila lawati laman web di <http://www.mppd.gov.my> untuk iklan sebutharga ini;

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Kelas/ Gred Kontraktor	Kelas Kepala & Sub/Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebutharga Ditutup
MPPD SH/(L)/12/2018 RM53.00 (termasuk GST)	Kerja-kerja Pembangunan Taman Poket (CSR) Di Terminal Bas, Bandar Port Dickson	CIDB Gred G1	Kategori CE Pengkhususan CE14	Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Port Dickson Tarikh : 02/4/2018 Hingga 9/4/2018	Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Port Dickson Tarikh : 9/4/2018 Jam 12.00 t/hari
<p>Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 2.4.2018 / Isnin jam 9.00 pagi. Menghadiri taklimat dan lawatan tapak diwajibkan</p> <p>Aturcara : 09.00 pagi –9.30 pagi – Pendaftaran 09.30 pagi - 10.30 pagi - Taklimat dan lawatan tapak</p>					